

**LAPORAN AKHIR KAJIAN DISERAHKAN KEPADA INSTITUT  
PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IPPB)**

# **KAJIAN KETEGUHAN KEWANGAN DI KALANGAN BELIA**

**OLEH :**

**Mohd. Fazli Sabri  
Jariah Masud  
Laily Paim  
Mohd. Amim Othman  
Nurkhalila Nordin**

**JABATAN PENGURUSAN SUMBER & PENGAJIAN PENGGUNA  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2007**

## **KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Objektif Kajian</b>	<b>3</b>
<b>Metodologi Kajian</b>	<b>4</b>
<b>Hasil Kajian dan Perbincangan</b>	<b>6</b>
<b>Kesimpulan dan Cadangan</b>	<b>36</b>
<b>Rujukan</b>	<b>39</b>

## **JADUAL**

	<b>Muka surat</b>
<b>Jadual 1 : Ujian Reliabiliti Instrumen Kajian</b>	<b>5</b>
<b>Jadual 2 : Latar Belakang Responden</b>	<b>8</b>
<b>Jadual 3 : Literasi Kewangan</b>	<b>14</b>
<b>Jadual 4 : Amalan Kewangan</b>	<b>21</b>
<b>Jadual 5 : Kesejahteraan Kewangan</b>	<b>25</b>
<b>Jadual 6 : Pengalaman Kewangan</b>	<b>29</b>
<b>Jadual 7 : Pembuatan Keputusan Perbelanjaan Isirumah</b>	<b>32</b>
<b>Jadual 8 : Kemahiran Diri</b>	<b>35</b>

## **RAJAH**

	<b>Muka surat</b>
<b>Rajah 1 : Tahap Literasi Kewangan</b>	<b>13</b>
<b>Rajah 2 : Tahap Amalan Kewangan Responden</b>	<b>18</b>
<b>Rajah 3 : Amalan Kewangan Responden</b>	<b>20</b>
<b>Rajah 4 : Persepsi Responden Terhadap Kecukupan Pendapatan</b>	<b>20</b>
<b>Rajah 5 : Tahap Kepuasan Kewangan Semasa</b>	<b>22</b>
<b>Rajah 6 : Tahap Kesejahteraan Kewangan</b>	<b>26</b>
<b>Rajah 7 : Tahap Pengalaman Kewangan</b>	<b>30</b>

## **KAJIAN KETEGUHAN KEWANGAN DI KALANGAN BELIA**

### **PENGENALAN**

Belia di Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran besar menjelang abad ke-21. Kepentingan peranan belia dalam pembangunan negara jelas apabila satu bab khas di tumpukan kepada kumpulan belia (Bab 14, Rancangan Malaysia Ke-9). Golongan belia yang terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15-39 tahun merupakan 41.5% daripada jumlah penduduk pada tahun 2005. Dalam tempoh Rancangan, golongan belia meningkat pada kadar purata 2.4% setahun daripada 9.85 juta pada tahun 2000 kepada 11.10 juta pada tahun 2005. Belia merupakan golongan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. Sebagai kelompok terbesar di Malaysia golongan belia juga merupakan target pasaran barangan dan perkhidmatan pengguna.

Jumlah belia yang bekerja pada tahun 2005 adalah 6.67 juta atau 60.3% daripada jumlah belia berbanding dengan 6.16 juta atau 62.9% pada tahun 2000. Kebanyakan belia bekerja di sektor pembuatan selaras dengan peluang yang semakin luas dalam sektor ini iaitu 24.0% pada tahun 2005. Sektor berikutnya ialah perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran pada 23.8% diikuti oleh perkhidmatan lain pada 18.9%. Daripada segi pekerjaan, peratusan belia yang bekerja dalam kategori profesional dan teknikal meningkat kepada 12.0% pada tahun 2000 kepada 18.7% pada tahun 2005. Peratusan belia yang bekerja dalam kategori pentadbiran dan pengurusan meningkat sebanyak 2.8%.

Perkembangan di pasaran memerlukan pengguna terutama pengguna belia mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mendayaupayakan diri masing masing untuk menjadi pengguna berhemah. Sumber kewangan yang terhad, keperluan yang semakin bertambah dan peningkatan kos sara hidup merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh keluarga muda supaya keperluan semasa dan masa depan dapat diseimbangkan.

Perkembangan kemudahan kewangan terutama kemudahan kredit, pelaburan dan perbankan memerlukan pengguna mempunyai pengetahuan kewangan supaya dapat menggunakan kemudahan yang ada untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. Kepelbagaian keperluan seperti simpanan untuk waktu kecemasan, pendidikan anak-anak, pengurusan kredit dan risiko (insurans/takaful), perancangan persaraan dan estet di ikuti dengan sumber yang terhad merupakan cabaran pengurusan kewangan belia hari ini. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan. Kajian di negara barat menunjukkan masalah kewangan mempunyai kaitan dengan produktiviti pekerja (Hira & Loibl, 2005; Garman et. al, 1998, Joo, 1998; Kim, 1998).

Di samping kesan kepada produktiviti, masalah kewangan boleh timbul kesan penggunaan kredit yang berlebihan. Penggunaan kad kredit yang tidak dirancang serta dikawal boleh membawa kepada ketidakmampuan untuk melangsaikan hutang. Menurut laporan Bank Negara jumlah hutang terkumpul bagi pengguna kredit meningkat dari RM696 juta (1992) kepada RM5 billion (2002). Peningkatan hutang ini memperlihatkan amalan negatif dalam pembayaran balik pengguna kad kredit di samping penggunaan kad kredit yang tinggi dan akhirnya menyebabkan mereka mufliis. Statistik daripada Bank Negara menunjukkan sejumlah 16,251 individu di Malaysia pada tahun 2005 telah diisytiharkan mufliis dan sebilangan besar merupakan golongan belia yang berada dalam kumpulan umur antara 21 hingga 45 tahun. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (2000), menunjukkan sebanyak 567 kes penceraian disebabkan oleh masalah kewangan dalam keluarga.

Kajian menunjukkan bahawa individu yang mampu atau berkebolehan mengurus kewangan yang baik dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Menurut Bernstein (2004), empat faktor yang menyumbang kepada kegembiraan dan kesejahteraan hidup kebanyakan budaya ialah kesihatan, status ekonomi, pekerjaan dan hubungan kekeluargaan. Individu dikatakan gembira apabila mereka sihat, bekerja, berkahwin atau mempunyai hubungan mesra dengan keluarga serta terjamin daripada segi kewangan

*(financially secure)*. Selain itu ia juga dapat mengelakkan mereka daripada berhadapan dengan masalah kewangan. Wang penting dalam kehidupan tetapi ia perlu diuruskan untuk meningkatkan kualiti hidup. Ramai yang tidak mengetahui bagaimana golongan belia menguruskan hal-hal berkaitan kewangan. Sehubungan itu, satu kajian berkaitan dengan pengurusan kewangan di kalangan pemimpin dan ahli persatuan belia dijalankan dan hasil kajian dapat memberi gambaran mengenai pengetahuan serta kemahiran pengurusan kewangan di kalangan kelompok ini supaya program yang sesuai dapat dirangka bagi membangunkan pemimpin yang berwibawa dan sejahtera daripada semua segi serta boleh menjadi contoh kepada belia lain.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji tingkahlaku pengurusan kewangan di kalangan pemimpin dan ahli persatuan belia. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk :

1. Mengukur tahap pengetahuan pemimpin dan ahli persatuan belia mengenai pengurusan kewangan
2. Mengenalpasti amalan pengurusan kewangan di kalangan pemimpin dan ahli persatuan belia
3. Mengenalpasti masalah kewangan yang dihadapi oleh pemimpin dan ahli persatuan.
4. Mengenalpasti program dan aktiviti sesuai untuk meningkatkan lagi pengetahuan serta kemahiran pemimpin dan ahli persatuan belia dalam aspek pengurusan kewangan

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di kalangan pemimpin dan ahli persatuan belia di Negeri Selangor. Pemilihan negeri Selangor adalah bertepatan kerana Selangor telah mencapai status negeri maju. Maka kajian ini dijadikan sebagai kajian pilot (*pilot research*) sebelum dijalankan di peringkat nasional. Sebanyak sembilan buah daerah terlibat dalam kajian ini dan sampel kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Bagi setiap daerah sebanyak 10 buah persatuan belia dikenalpasti oleh Pengerusi Majlis Belia Sukan Daerah untuk terlibat sebagai responden kajian. Seramai lima orang pemimpin (AJK) dan lima orang ahli biasa dipilih daripada setiap persatuan. Ini bermakna sebanyak 100 orang responden akan mewakili setiap daerah. Cadangan awal pengumpulan data akan dilakukan semasa bengkel pengurusan kewangan yang akan dikendalikan oleh kumpulan penyelidik. Walaubagaimanapun daripada mesyuarat dan perjumpaan bersama exco Majlis Belia Sukan Negeri Selangor mereka memaklumkan bahawa sukar untuk mencari slot masa yang sesuai dan sukar untuk memperolehi responden. Pihak Majlis Belia Sukan Negeri Selangor mencadangkan agar pengumpulan data sesuai dilakukan semasa mereka mengadakan mesyuarat Agong Tahunan (AGM).

Oleh yang demikian, proses pengumpulan data telah dilakukan semasa mesyuarat Agong Tahunan (AGM) Majlis Belia Sukan Negeri Selangor yang diadakan pada 23 Disember 2006 di Hotel Quality, Shah Alam, Selangor. Taklimat berkaitan soal selidik dan proses pemilihan sampel telah diberikan kepada pengerusi atau wakil Majlis Belia Sukan Daerah semasa perjumpaan bersemuka sebelum mesyuarat agong berlangsung. Penyelidik telah memberikan tempoh masa selama dua minggu untuk responden mengisi soal selidik. Walaubagaimanapun tempoh masa yang diambil telah melebihi daripada tempoh yang diberikan. Sebanyak 900 borang soal selidik telah diedarkan tetapi hanya 262 soal selidik sahaja sehingga kini berjaya dikumpul dan boleh digunakan bagi tujuan analisis.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang dibentuk sendiri dan diubahsuai berdasarkan kajian lepas. Borang soal selidik ini mengandungi tujuh bahagian iaitu maklumat latar belakang responden, literasi kewangan, amalan

kewangan, kesejahteraan kewangan, pengalaman kewangan, pembuatan keputusan perbelanjaan isirumah dan kemahiran diri. Maklumat latar belakang responden meliputi maklumat demografi dan sosioekonomi. Manakala bahagian literasi kewangan mempunyai 20 item dengan pilihan jawapan betul, salah dan tidak tahu. Terdapat 22 item untuk mengukur amalan kewangan responden dan pilihan jawapan yang diberikan adalah 1=ada dan 0= tiada. Bahagian berikut adalah mengenai kesejahteraan kewangan. Terdapat 12 situasi atau keadaan kewangan yang telah dikenalpasti dan responden dikehendaki menyatakan skala pilihan mereka daripada satu hingga sepuluh. Terdapat 26 item untuk mengukur pengalaman kewangan responden dan pilihan jawapan yang disediakan adalah seperti berikut tidak pernah=0; setiap hari =3, setiap minggu=2 dan setiap bulan = 1. Selain itu, responden juga ditanya mengenai pembuatan keputusan perbelanjaan mereka dan terdapat 17 item dalam bahagian ini. Bahagian terakhir adalah mengenai kemahiran diri responden. Sebanyak 13 jenis kemahiran telah dikenalpasti dan responden dikehendaki menyatakan tahap kemahiran mereka berdasarkan skala satu hingga lima. Seterusnya responden dikehendaki menyatakan kemahiran mana yang ingin dipelajari mereka. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS. Perbincangan hasil kajian adalah secara deskriptif (min, mod dan peratusan) dan dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah. Analisis terperinci dilakukan untuk menentukan perkaitan antara literasi kewangan, amalan kewangan, kesejahteraan kewangan dan pengalaman kewangan responden.

**Jadual 1 : Ujian Reliabiliti Instrumen kajian**

<b>Bahagian</b>	<b>Item</b>	<b>Alpha Cronbach's</b>
A : Maklumat demografi dan sosioekonomi	15	-
B : Literasi Kewangan	20	0.756
C : Amalan Kewangan	22	0.842
D : Kesejahteraan kewangan	12	0.920
E : Pengalaman kewangan	26	0.875
F : Pembuatan keputusan perbelanjaan isirumah	17	0.809
G : Kemahiran diri	13	0.866

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Maklumat Latar Belakang Responden**

Jadual 2 menerangkan maklumat latar belakang responden kajian. Hasil daripada kajian yang dilakukan didapati lebih daripada satu perdua responden terdiri daripada responden perempuan (58.8%) dan 41.2% pula ada responden lelaki. Sebanyak 54.9% responden kajian merupakan pemimpin atau ahli jawatankuasa dalam persatuan atau pertubuhan belia yang disertai manakala selebihnya iaitu 45.1% pula merupakan ahli biasa. Peratusan tertinggi responden terdiri daripada etnik Melayu (78.1%) diikuti oleh etnik India (14.2%), Cina (4.2%) dan etnik lain. Purata umur responden yang dicatatkan ialah 28.6 tahun dan kebanyakan responden berada dalam kumpulan umur 25 tahun dan ke bawah (62.1%). Terdapat 25.5% responden berada dalam kumpulan umur melebihi 35 tahun. Status perkahwinan mendapati sebilangan besar masih bujang (66.9%) dan terdapat 30.0% responden sudah berkahwin. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden merupakan kumpulan belia awal.

Daripada segi pencapaian akademik, kebanyakan responden mempunyai pendidikan di peringkat tertiar di mana 35.2% mempunyai diploma diikuti sijil (10.8%) dan SPM (21.6%). Sebilangan kecil sahaja mempunyai pencapaian akademik di peringkat sekolah rendah dan kajian mendapati tiada responden yang tidak mempunyai langsung pendidikan formal di sekolah. Responden turut ditanya status pekerjaan mereka. Sebanyak 40.1% responden menyatakan mereka masih lagi belajar sama ada di peringkat menengah atau di institusi pengajian tinggi. Manakala selebihnya terdiri daripada suri rumah (3.5%), bekerja sendiri (9.9%), pekerja di sektor awam (35.2%) dan swasta (11.3%). Responden turut ditanya pendapatan bulanan mereka. Hanya 131 orang responden sahaja yang menyatakan pendapatan mereka. Anggaran purata pendapatan bulanan yang dicatatkan ialah RM1,851.17. Kebanyakan responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan (70.2%).



Purata saiz isirumah responden kajian ialah 5.93 orang dan purata bilangan anak adalah seramai 3.09 orang. Kebanyakan responden menyatakan mereka tinggal bersama keluarga sendiri (53.1%). Apabila ditanya mengenai jenis rumah yang didiami sekarang sebanyak 43.5% responden menyatakan mereka tinggal di rumah teres diikuti rumah kampung (39.1%) dan rumah banglo (6.3%).

Bagi mendapatkan gambaran mengenai kedudukan kewangan, responden ditanya mengenai anggaran perbelanjaan bulanan, simpanan, nilai harta dan hutang yang dimiliki. Purata perbelanjaan bulanan yang dilaporkan adalah sebanyak RM2,294.89. Didapati sebanyak 38.6% responden membelanjakan pendapatan mereka lebih daripada RM1,501 sebulan. Terdapat 56.4% sahaja responden yang mempunyai simpanan bulanan dan purata jumlah simpanan ialah sebanyak RM6,295.91. Peratusan tertinggi menunjukkan kebanyakan responden mempunyai nilai simpanan kurang daripada RM5,000. Seramai 76 orang responden menyatakan mereka mempunyai aset dan min nilai aset atau harta yang dimiliki responden pada masa kini adalah sebanyak RM92,152.92. Terdapat 47.4% responden mempunyai anggaran nilai harta kurang daripada 10,000 dan 26.3% responden pula mempunyai anggaran nilai harta di antara RM50,001 hingga RM100,000. Purata nilai hutang yang dicatatkan oleh responden adalah sebanyak RM42,049.13 dan lebih daripada satu perdua responden mempunyai anggaran nilai hutang di antara RM10,001 hingga RM50,000.0

**Jadual 2 : Latar Belakang Responden**

<b>Angkubah</b>	<b>Bilangan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	107	41.2
Perempuan	153	58.8
<b>Etnik</b>		
Melayu	203	78.1
Cina	11	4.2
India	37	14.2
Lain-lain	9	3.5
<b>Umur</b>		
<20	52	20.6
21-25	105	41.5
26-30	16	5.2
31-35	18	7.2
>35	62	25.5
<b>Tinggal bersama</b>		
Seorang diri	15	5.8
Keluarga	137	53.1
Ibu bapa	67	26.0
Lain-lain	39	15.1
<b>Tahap pendidikan Responden</b>		
Tidak bersekolah	-	-
Sekolah Rendah	11	4.4
Sekolah Menengah	80	32
Tertiari	159	63.6
<b>Rumah yang didiami</b>		
Banglo	16	6.3
Rumah kampung	99	39.1
Rumah berkembar	13	5.1
Rumah teres	110	43.5
Pangsapuri (apartment)	14	5.5
Pangsapuri (Kondominium)	1	0.4
<b>Anggaran Pendapatan</b>		
< RM1,500	92	70.2
RM1,501-RM3,500	29	22.1
>RM3,501	10	7.6

sambungan Jadual 2

Angkubah	Bilangan (n)	Peratus (%)
<b>Anggaran perbelanjaan keluarga</b>		
<RM500	37	21.6
RM501-RM1,000	48	28.1
RM1,001-RM1,500	20	11.7
>RM1,501	66	38.6
<b>Bilangan isirumah (orang)</b>		
0	-	-
1-3	29	12.6
>3	200	87.4
<b>Bilangan anak (orang)</b>		
0	11	11.6
1-3	41	4.2
>3	43	45.2
<b>Mempunyai simpanan</b>		
Tiada	71	43.6
Ya	92	56.4
<b>Nilai simpanan</b>		
<RM5000	86	72.9
RM5,001-RM10,000	19	16.1
>RM10,001	13	11.0
<b>Anggaran nilai harta</b>		
<RM10,000	36	47.4
RM10,001-RM50,000	20	26.3
RM50,001-RM100,000	20	26.3
<b>Anggaran nilai hutang</b>		
<RM10,000	38	34.9
RM10,001-RM50,000	57	52.3
RM50,001-RM100,000	14	12.8

## **Literasi Kewangan**

Sebanyak 20 item dibentuk berdasarkan kajian lepas untuk mengukur tahap pengetahuan responden berkaitan aspek kewangan personal. Soalan merangkumi pengetahuan dan pemahaman responden terhadap aspek rekod kewangan, kredit, simpanan, pelaburan, nilai masa wang "*time value of money*", wasiat, perlindungan risiko, persaraan dan beberapa aspek lain mengenai kewangan. Tiga pilihan jawapan diberikan kepada responden iaitu betul, salah atau tidak tahu. Perbincangan merujuk kepada jawapan sebenar bagi setiap kenyataan.

Bagi pernyataan "membeli barang secara berhutang akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan", sebanyak 54.5% responden menjawab dengan betul untuk pernyataan ini. Sebanyak 33.6% pula responden tidak menjawab dengan betul dan terdapat 11.9% menyatakan mereka tidak tahu. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak mengetahui dan memahami kaitan antara kredit atau hutang dengan kuasa beli pengguna. Apabila seseorang membeli barangan atau perkhidmatan secara kredit atau hutang sebenarnya mereka telah menggunakan pendapatan mereka pada masa hadapan. Ini menyebabkan kuasa beli mereka berkurangan kerana pendapatan yang sepatutnya boleh dibelanjakan terpaksa digunakan untuk membayar hutang (Jadual 3).

Majoriti responden kajian (86.0%) didapati mengetahui bahawa kenaikan harga barangan mengurangkan kuasa beli pengguna. Ini mungkin disebabkan senario semasa yang melanda negara berikutan kenaikan harga bahan bakar yang memberi implikasi kenaikan kepada harga barangan dan keperluan pengguna. Responden menyedari bahawa kenaikan harga barangan telah menyebabkan jumlah atau kuantiti barangan yang boleh diperolehi semakin berkurangan. Majoriti responden (85.0%) juga didapati menjawab dengan betul bagi pernyataan "kunci kira-kira menunjukkan status kewangan". Walaubagaimanapun terdapat 9.1% tidak tahu mengenai kunci kira-kira.

Responden turut ditanya mengenai kad kredit. Kebanyakan responden (65.9%) mengetahui bahawa pemilik kad kredit tidak boleh berbelanja melebihi had yang telah ditetapkan oleh institusi kewangan yang menawarkan kemudahan kredit. Walaubagaimanapun terdapat 27.1% responden salah menjawab untuk penyataan tersebut di mana mereka menyatakan pemilik kad kredit boleh berbelanja tanpa had. Ini menggambarkan bahawa sebilangan responden masih lagi kurang pengetahuan mereka berkaitan kad kredit. Salah satu indikator bahawa seseorang individu atau keluarga cenderung berhadapan dengan masalah kewangan ialah apabila mereka menggunakan wang simpanan bagi memenuhi keperluan harian. Sebilangan responden (70.0%) didapati mengetahui bahawa apabila mereka menggunakan simpanan untuk membeli keperluan harian ini menunjukkan keadaan di mana mereka telah terlebih belanja.

Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan responden tidak memahami konsep nilai masa wang atau "*time value of money*". Lebih satu perdua responden sahaja yang mengetahui bahawa wang yang disimpan boleh bernilai lebih daripada dua kali ganda selepas tempoh sepuluh tahun. Didapati 21.5% responden memberikan jawapan yang salah dan 23.4% tidak tahu mengenai penyataan yang diajukan. Majoriti responden didapati tidak mengetahui konsep asas mengenai simpanan. Majoriti responden (80.2%) menyatakan bahawa simpanan adalah lebihan pendapatan setelah ditolak perbelanjaan. Simpanan sepatutnya dibuat terlebih dahulu dan ditolak dari pendapatan yang diterima sebelum dibuat perbelanjaan.,

Majoriti responden (83.5%) menyatakan bahawa wasiat penting untuk keluarga. Manakala majoriti responden berpendapat bahawa pembelian insurans merupakan satu bentuk pelaburan yang baik. Ini bertentangan dengan konsep asas pengurusan risiko di mana insurans merupakan salah satu kaedah atau strategi untuk mengurus risiko. Insurans bukanlah satu bentuk pelaburan yang baik ianya lebih kepada perlindungan risiko. Bagi penyataan "insurans nyawa melindungi diri pemegang polisi dari bebanan kewangan" terdapat sebanyak 50.8% responden menyatakan ia betul. Pada asasnya insurans nyawa yang diambil adalah untuk melindungi keluarga atau tanggungan daripada beban

kewangan yang terpaksa ditanggung akibat daripada malapetaka (kemalangan, kecacatan dan kematian) yang terjadi kepada individu. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang baik mengenai konsep insurans.


Hasil kajian juga mendapati sebilangan besar responden (41.7%) tidak mengetahui perbezaan kadar faedah di antara akaun simpanan biasa dan akaun simpanan tetap. Kebanyakan responden (63.5%) menyatakan bahawa pemilikan kad kredit meningkatkan kuasa beli seseorang dan ianya adalah tidak benar. Asasnya penggunaan kad kredit akan mengurangkan kuasa beli seseorang. Terdapat 38.0% responden juga tidak mengetahui bahawa seseorang tidak boleh berbelanja melebihi 20.0% pendapatan bersih mereka untuk bayaran ansuran bulanan. Bayaran ansuran bulanan ini merujuk kepada pinjaman peribadi, pinjaman pendidikan, pinjaman pembelian rumah, kereta dan sebagainya. Majoriti responden (81.5%) memberikan jawapan yang salah dan tidak mengetahui bahawa pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit adalah sumber kewangan yang berkos rendah.

Kebanyakan responden juga mempunyai konsep yang salah dan tidak mengetahui bahawa semua bentuk pelaburan tidak menjanjikan pulangan atau keuntungan hasil daripada pelaburan yang dilakukan (68.3%). Pulangan pelaburan mempunyai kaitan dengan risiko pelaburan. Biasanya pelaburan yang berisiko tinggi akan memberikan pulangan yang tinggi dan sebaliknya. Lebih daripada satu perdua responden juga didapati tidak dapat menjawab dengan betul apabila diajukan soalan "Kita boleh meminjam untuk melabur". Walaupun terdapat sebilangan pelabur yang meminjam wang daripada pelbagai sumber untuk tujuan melabur tetapi pada asasnya pelaburan dilakukan apabila seseorang mempunyai wang yang lebih setelah semua keperluan asas dipenuhi.

Daripada segi pengetahuan mengenai persaraan, kebanyakan responden mengetahui bahawa caruman wang yang dibuat melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah tidak mencukupi untuk menampung hari tua. Majoriti responden juga mengetahui

bahawa keluarga perlu mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya tiga bulan pendapatan keluarga.

Analisis lanjut dilakukan bagi mendapatkan gambaran mengenai tahap literasi kewangan responden dan diterangkan dalam Rajah 1. Bagi setiap jawapan yang betul diberikan satu markah manakala jawapan yang salah atau tidak tahu tidak diberikan markah. Kemudian skor komposit bagi 20 item literasi kewangan dikira. Tahap literasi kewangan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah (1 hingga 6), sederhana (7 hingga 12) dan tinggi (13 hingga 20). Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden dalam kajian ini mempunyai tahap literasi kewangan sederhana (71.4%).



**Rajah 1 : Tahap Literasi Kewangan Responden**

**Jadual 3 : Literasi Kewangan**

Pernyataan		Jawapan	Betul	Salah	Tidak Tahu
		Sebenar			
Membeli barang secara berhutang	n	Betul	138	85	30
akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan	%		54.5	33.6	11.9
		Betul			
Kenaikan harga barang mengurangkan kuasa beli	n		221	25	11
	%		86.0	9.7	4.3
Kunci kira-kira ( <i>Balance sheet</i> )	n	Betul	215	15	23
menunjukkan status kewangan	%		85.0	5.6	9.1
		Salah			
Pemilik kad kredit boleh berbelanja tanpa had	n		70	170	18
	%		27.1	65.9	7.0
Kita telah terlebih belanja apabila menggunakan	n	Betul	177	56	20
Simpanan untuk membeli keperluan harian	%		70.0	22.1	7.9
		Betul			
Wang yang disimpan boleh bernilai lebih	n		141	55	60
dua kali ganda selepas sepuluh tahun	%		55.1	21.5	23.4
		Salah			
Simpanan adalah lebih pendapatan setelah	n		206	29	22
ditolak perbelanjaan	%		80.2	11.3	8.6
		Betul			
Kadar faedah ( <i>interest</i> ) mempengaruhi	n		183	29	39
nilai simpanan masa hadapan	%		72.9	11.6	15.5
		Salah			
Penyata pendapatan menunjukkan pendapatan	n		163	46	44
dan perbelanjaan keluarga pada satu tarikh tertentu	%		64.4	18.2	17.4
		Salah			
Wasiat tidak perlu untuk keluarga	n		28	213	14
	%		11.0	83.5	5.5
		Salah			
Pembelian insurans adalah pelaburan yang baik	n		207	22	26
	%		81.2	8.6	10.2
		Salah			
Kadar faedah akaun simpanan biasa ( <i>Saving Account</i> )	n		59	89	106
lebih tinggi daripada kadar faedah akaun simpanan tetap ( <i>Fixed Deposit</i> )	%		23.2	35.0	41.7
		Salah			
Insurans nyawa melindungi diri pemegang	n		129	79	46
polisi daripada bebanan kewangan	%		50.8	31.1	18.1
		Salah			
Pemilikan kad kredit meningkatkan kuasa beli seseorang	n		162	61	32
	%		63.5	23.9	12.5



**Sambungan Jadual 3**

---

Seseorang boleh berbelanja melebihi 20% pendapatan bersih untuk bayar ansuran bulanan	n %	Salah	99 39.3	57 22.6	96 38.1
Pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit adalah sumber kewangan yang berkos rendah	n %	Salah	47 18.5	124 48.8	83 32.7
Semua bentuk pelaburan sentiasa memberikan keuntungan	n %	Salah	81 31.6	134 52.3	41 16.0
Kita boleh meminjam untuk melabur	n %	Salah	142 55.9	66 26.0	46 18.1
Caruman KWSP sahaja cukup untuk menampung hari tua	n %	Salah	51 20.1	175 68.9	28 11.0
Keluarga perlu mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan keluarga	n %	Betul	225 87.5	16 6.2	16 6.2

---

## **Amalan Kewangan**

Terdapat 22 item yang digunakan untuk mengukur amalan kewangan di kalangan responden dengan pilihan jawapan sama ada mereka mempunyai atau melakukannya ataupun tidak. Secara asasnya soalan yang diajukan berkaitan dengan matlamat kewangan, simpanan, pelaburan, insurans, rekod kewangan, persaraan dan beberapa aspek lain. Jadual 4 pula menerangkan amalan kewangan di kalangan responden. Terdapat satu pertiga responden (30.4%) didapati tidak mempunyai matlamat kewangan. Mempunyai matlamat kewangan yang jelas merupakan perkara asas dalam pengurusan kewangan personal. Ianya menjadi panduan kepada seseorang bagaimana untuk merancang dan mengurus sumber kewangan mereka.

Daripada segi penyediaan dan penyimpanan rekod kewangan, kajian menunjukkan hanya 38.2% responden sahaja yang mempunyai sistem menyimpan rekod perbelanjaan mereka. Walaubagaimanapun kebanyakan responden (74.3%) menyatakan mereka mempunyai rancangan perbelanjaan atau lebih dikenali sebagai bajet. Kajian mendapati majoriti responden mempunyai akaun simpanan sendiri (89.8%) di mana 64.8% memiliki akaun semasa dan lebih satu perdua mempunyai akaun simpanan tetap. Daripada segi tabiat atau amalan menyimpan di kalangan responden masih lagi rendah di mana hanya 41.9% sahaja menyimpan setiap bulan dalam akaun mereka. Kebanyakan mereka menyimpan adalah untuk memenuhi matlamat jangka panjang. Sebanyak 26.5% responden sahaja yang membuat potongan gaji untuk simpanan.

Tabiat atau amalan melabur di kalangan responden juga masih rendah di mana sebanyak 32.7% sahaja yang menyatakan mereka membuat pelaburan setiap bulan sama ada dalam bentuk saham atau saham amanah seperti Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional. Terdapat sebilangan kecil sahaja responden yang membuat simpanan bagi tujuan pendidikan anak-anak (31.2%). Ini disebabkan kebanyakan responden dalam kajian ini masih lagi bujang. Sebanyak 43.3% responden menyatakan mereka tidak mempunyai wang yang cukup sekiranya berlaku kecemasan. Menurut pakar kewangan,

seseorang atau sesebuah keluarga perlu mempunyai simpanan kecemasan sekurang-kurangnya tiga bulan pendapatan keluarga.


Kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2005 menunjukkan sebanyak 37% sahaja rakyat Malaysia mempunyai perlindungan insurans nyawa. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan masyarakat masih lagi tidak menyedari akan kepentingan mempunyai perlindungan insurans atau takaful. Ini selari dengan dapatan kajian ini di mana hanya 45.8% sahaja yang memiliki insurans nyawa. Sebanyak 38.6% responden didapati mempunyai insurans kesihatan dan 37.0% memiliki insurans atau takaful untuk pendidikan.

Selaras dengan polisi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memperkenalkan sistem cukai taksir sendiri pada tahun 2005 di mana semua penyata cukai perlu disediakan sendiri. Walaubagaimanapun hanya 19.5% sahaja responden dalam kajian ini menyatakan mereka menyediakan sendiri penyata cukai tahunan. Peratusan yang kecil ini disebabkan oleh kebanyakan responden kajian masih lagi belajar dan terdapat sebilangan responden merupakan surirumah sepenuh masa serta berkemungkinan ramai yang tidak mengetahui bagaimana cara untuk membuat taksiran sendiri.

Mengenai perancangan persaraan dan persediaan ke arah hari tua sebanyak 21.6% responden menyatakan mereka mencarum dalam pelan persaraan yang ditawarkan oleh majikan. Manakala 21.9% pula didapati membuat sumbangan untuk akaun pencen. Daripada dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden masih tidak mempunyai perancangan untuk waktu persaraan. Sebilangan kecil sahaja yang mempunyai wasiat iaitu 20.4% . Statistik yang dilaporkan oleh Amanah Raya Berhad juga menunjukkan majoriti rakyat Malaysia masih lagi belum mempunyai atau membuat wasiat.

Terdapat sebilangan kecil responden kajian yang menyatakan mereka membuat pajakan barang untuk memperolehi wang tunai (12.7%). Namun apa yang memeranjatkan terdapat sebanyak 5.5% responden yang menyatakan mereka pernah meminjam wang daripada "Ah Long". Walaupun peratusannya agak rendah tetapi statistik ini menunjukkan bahawa ada di kalangan golongan belia kajian ini pernah mendapatkan bantuan kewangan daripada "Ah Long" bagi mengatasi masalah kewangan mereka.


Analisis lanjut dilakukan bagi mendapatkan gambaran mengenai tahap amalan kewangan responden (Rajah 2). Markah satu diberikan kepada responden yang menyatakan mereka mempunyai atau melakukan aktiviti kewangan yang telah dikenalpasti dan responden yang tidak mempunyai atau melakukannya tidak diberikan markah. Kemudian skor komposit bagi 22 item amalan kewangan dikira. Tahap amalan kewangan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu kurang baik (1 hingga 7), sederhana (8 hingga 14) dan baik (15 hingga 22). Secara keseluruhan didapati amalan kewangan reponden adalah pada tahap sederhana (45.3%) dan kurang baik (40.6%).




**Rajah 2 : Tahap Amalan Kewangan Responden**

Dalam bahagian berikut, responden ditanya kekerapan mereka melakukan beberapa aktiviti kewangan (Rajah 3). Kebanyakan responden menyatakan mereka membayar bil tepat pada masanya. Walaubagaimanapun terdapat 17.6% responden menyatakan mereka tidak pernah bayar bil ikut masa. Mengikut pakar kewangan personal, kumpulan responden ini cenderung untuk berhadapan dengan masalah kewangan. Sebanyak 39.5% responden didapati tidak pernah membuat pelarasan buku cek atau akaun di bank pada setiap bulan. Majoriti responden (80.0%) menyatakan mereka tidak pernah menggunakan kad kredit. Kajian turut mendapati kebanyakan responden tidak pernah membayar semua baki kredit atau bil setiap bulan (56.2%) dan meneliti penyata pinjaman ataupun laporan kredit (52.8%). Dalam soal membuat pinjaman atau permohonan kad kredit, kebanyakan juga menyatakan mereka tidak pernah melakukan perbandingan. Kajian lepas menunjukkan kebanyakan pasangan jarang berbincang hal berkaitan kewangan dengan pasangan dan anak-anak. Ini selari dengan dapatan hasil kajian ini di mana satu perdua responden menyatakan mereka tidak pernah berbincang dengan pasangan. Sebilangan besar responden (71.6%) juga tidak pernah melibatkan anak-anak dalam perbincangan mengenai wang.

Responden ditanya mengenai persepsi mereka terhadap kecukupan pendapatan (*income adequacy*) pada masa sekarang. Lebih daripada satu perdua responden (52.9%) menyatakan mereka boleh memenuhi sesetengah kehendak tapi bukan semua yang diinginkan. Sebanyak 22.0% responden pula menyatakan mereka boleh memenuhi keperluan asas sahaja. Malahan terdapat 14.9% responden menyatakan pendapatan yang diterima atau diperolehi adalah tidak mencukupi. Ini jelas menunjukkan bahawa masih ramai lagi responden merasakan bahawa pendapatan yang diterima adalah tidak mencukupi atau hanya boleh memenuhi keperluan asas sahaja (Rajah 4).



**Rajah 3 : Amalan Kewangan Responden**



**Rajah 4 : Persepsi Responden Terhadap Kecukupan Pendapatan**

**Jadual 4 : Amalan Kewangan**


<b>Item</b>		<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>
Memiliki akaun semasa	n	164	89
	%	64.8	35.2
Ada sistem menyimpan rekod perbelanjaan	n	97	157
	%	38.2	61.8
Ada rancangan perbelanjaan atau bajet	n	188	65
	%	74.3	25.7
Ada akaun simpanan sendiri	n	229	26
	%	89.8	10.2
Ada simpanan untuk pendidikan anak-anak	n	78	172
	%	31.2	68.8
Wang yang cukup untuk kecemasan	n	143	109
	%	56.7	43.3
Menyimpan untuk matlamat jangka panjang	n	169	82
	%	67.3	32.7
Memiliki akaun simpanan tetap	n	127	120
	%	51.4	48.6
Membuat pelaburan setiap bulan (saham, saham amanah seperti ASB/ASN)	n	82	169
	%	32.7	67.3
Membuat sumbangan untuk akaun pencen	n	55	196
	%	21.9	78.1
Menyimpan untuk kegunaan hari tua	n	121	129
	%	48.4	51.6
Mencarum pelan persaraan yang ditawarkan oleh majikan	n	54	196
	%	21.6	78.4
Membuat potongan gaji untuk simpanan (contoh: Tabung haji)	n	66	183
	%	26.5	73.5
Menyimpan setiap bulan dalam akaun	n	106	147
	%	41.9	58.1
Memiliki insurans nyawa	n	119	137
	%	45.8	54.2
Memiliki insurans kesihatan	n	97	154
	%	38.6	61.4
Memiliki insurans/takaful pendidikan	n	94	160
	%	37.0	63.0
Menyediakan penyata cukai sendiri	n	50	206
	%	19.5	80.5
Mempunyai matlamat kewangan	n	174	76
	%	69.6	30.4
Mempunyai wasiat	n	52	203
	%	20.4	79.6

#### Sambungan Jadual 4

Item		Ada	Tiada
Pajak barang untuk dapat wang tunai	n	32	220
	%	12.7	87.3
Pinjam wang daripada "Along"	n	14	242
	%	5.5	94.5

#### Kesejahteraan Kewangan

Bahagian ini membincangkan mengenai persepsi responden terhadap 12 situasi atau kedudukan kewangan mereka. Ia penting kerana maklumat yang diterima dapat membantu penyelidik untuk cuba memahami sejauh mana kesejahteraan kewangan di kalangan responden. Perbincangan dilakukan mengikut setiap pernyataan yang diajukan kepada responden. Min purata tahap kepuasan responden terhadap situasi kewangan semasa mereka adalah 4.69. Sebanyak 35.7% responden memberikan penilaian pada skala kelima. Secara umumnya ia menggambarkan bahawa tahap kepuasan kewangan semasa responden adalah pada tahap sederhana dan mereka tidak berpuas hati (Rajah 5).



Rajah 5 : Tahap Kepuasan Kewangan Semasa



Apabila ditanya "sejauh mana anda risau tentang keadaan kewangan anda pada hari ini", lebih daripada satu perdua responden menyatakan mereka risau (52.9%) dan terdapat 27.8% menyatakan mereka sentiasa risau mengenai keadaan kewangan mereka. Min yang dicatatkan adalah 4.02. Bagi pernyataan "sebaik mana keadaan kewangan anda" terdapat 55.6% responden menyatakan keadaan kewangan mereka baik namun terdapat 44.4% pula menyatakan keadaan yang sebaliknya. Min yang dilaporkan ialah 5.48 (Jadual 5).

Seterusnya responden dikehendaki memberikan gambaran yang paling tepat mengenai keadaan kewangan semasa mereka. Min untuk soalan ini adalah 4.96 dan ia menunjukkan bahawa ada masanya responden merasakan ianya tidak mencukupi dan sebaliknya. Ia dapat diperjelaskan apabila hasil kajian mendapati hampir satu perdua responden (48.9%) menyatakan kadang kala ianya tidak mencukupi dan hampir 11.3% pula sentiasa tidak cukup.

Apabila ditanya soalan mengenai perasaan responden mengenai situasi kewangan semasa mereka, didapati 46.3% menyatakan mereka berasa tidak selesa. Nilai min untuk soalan ini adalah 5.09. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih terperinci mengenai kesejahteraan kewangan, responden turut ditanya soalan berkaitan keyakinan mereka untuk menempuhi kehidupan hari tua. Satu perdua responden didapati tidak berkeyakinan mereka mempunyai wang yang cukup untuk menampung kehidupan hari tua. Walaubagaimanapun sebanyak 45.7% responden pula yakin bahawa mereka mempunyai kewangan yang mencukupi.

Salah satu indikator atau petunjuk bahawa individu atau keluarga akan berhadapan dengan masalah kewangan ialah apabila wang yang diterima daripada gaji habis sebelum terima gaji yang seterusnya. Min yang dicatatkan adalah 5.97. Sebanyak 19.0% responden menyatakan mereka tidak pernah menghadapi situasi di atas. Tetapi sebanyak 33.5% responden pula menyatakan mereka kerap berhadapan dengan situasi yang dinyatakan. Sebanyak 10.2% menyatakan mereka sangat kerap berhadapan dengan keadaan di mana gaji habis sebelum terima gaji yang seterusnya.

Kajian mendapati sebanyak 27.5% responden tidak berhadapan dengan masalah untuk melunaskan pembayaran bil seperti elektrik, air, telefon, bayaran ansuran dan kad kredit. Terdapat 47.2% menyatakan mereka kadang kala sahaja menghadapi masalah dalam pembayaran. Namun terdapat satu pertiga responden didapati kerap berhadapan dengan masalah untuk membayar bil. Bayaran bil ini sepatutnya tidak menjadi masalah kepada individu ataupun keluarga untuk menjelaskannya.

Berikutnya responden diajukan soalan ” sejauh mana anda yakin anda mempunyai kuasa dalam mengawal kewangan peribadi anda”. Min item ini adalah 5.60. Hanya 5.2% responden yang menyatakan mereka sangat yakin bahawa mereka mempunyai kuasa dalam mengawal kewangan peribadi. Terdapat 38.5% responden menyatakan mereka yakin dan diikuti oleh 42.4% yang menyatakan mereka sedikit berkeyakinan. Bagi pernyataan seterusnya, kebanyakan responden (70.0%) didapati yakin bahawa mereka dapat mengawal kewangan mereka manakala selebihnya pula tidak berasa yakin.


Untuk mengetahui sejauhmana responden bersedia untuk menghadapi waktu kecemasan soalan mengenai ”semudah mana anda mendapatkan wang kecemasan bernilai RM1,000” ditanya. Kajian mendapati lebih daripada satu perdua responden merasakan ianya tidak mudah (51.0%) dan hanya 25.1% responden sahaja menyatakan ianya mudah bagi mereka mendapatkan wang kecemasan sejumlah RM1,000. Secara keseluruhan, majoriti responden berasa bimbang mengenai kewangan mereka. Sebilangan kecil sahaja iaitu 3.6% menyatakan mereka tidak pernah bimbang.

Analisis terperinci dilakukan untuk menentukan tahap kesejahteraan kewangan di kalangan responden. Kemudian skor komposit bagi 12 item kesejahteraan kewangan dikira berdasarkan pilihan jawapan responden dari skala satu hingga 10. Tahap kesejahteraan kewangan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tidak sejahtera (10 hingga 40), sederhana (50 hingga 80) dan sejahtera (90 hingga 120). Secara keseluruhan majoriti responden (81.7%) kesejahteraan kewangan mereka pada tahap sederhana (Rajah 6).

**Jadual 5 : Kesejahteraan Kewangan**

<b>Penyataan</b>		<b>Sentiasa Risau</b>	<b>Sekali Sekala Risau</b>	<b>Jarang risau</b>	<b>Tidak Pernah Risau</b>
Sejauh mana anda risau tentang keadaan kewangan anda hari ini (Min=4.02)	n	71	135	42	7
	%	27.8	52.9	16.5	2.8
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat tidak baik</b>	<b>Tidak Baik</b>	<b>Baik</b>	<b>Sangat Baik</b>
Sebaik mana keadaan kewangan anda (Min=5.48)	n	18	96	139	4
	%	7.0	37.4	54.0	1.6
<b>Penyataan</b>		<b>Sentiasa Tidak Mencukupi</b>	<b>Kadangkala Tidak Cukup</b>	<b>Cukup</b>	<b>Lebih Dari Cukup</b>
Keadaan kewangan semasa anda (Min=4.96)	n	29	126	100	2
	%	11.3	48.9	39.1	0.8
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Tidak Selesa</b>	<b>Tidak Selesa</b>	<b>Selesa</b>	<b>Sangat Selesa</b>
Perasaan anda tentang situasi kewangan semasa (Min=5.09)	n	27	118	109	1
	%	10.6	46.3	42.7	0.4
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Tidak Yakin</b>	<b>Tidak Yakin</b>	<b>Yakin</b>	<b>Sangat Yakin</b>
Sejauh mana anda yakin mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung Kehidupan hari tua yang selesa (Min=5.27)	n	27	101	116	10
	%	10.6	39.7	45.7	4.0
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Kerap</b>	<b>Kerap</b>	<b>Jarang</b>	<b>Tidak Pernah</b>
Berapa kerap gaji anda habis sebelum menerima gaji yang seterusnya (Min=5.97)	n	24	79	88	45
	%	10.2	33.5	37.3	19.0
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Kerap</b>	<b>Kerap</b>	<b>Kadang kala</b>	<b>Tidak Pernah</b>
Berapa kerap anda menghadapi masalah untuk membayar bil (elektrik, telefon, ansuran, kredit kad) anda (Min=6.75)	n	18	44	115	67
	%	7.4	18.1	47.2	27.5
<b>Penyataan</b>		<b>Tidak Yakin Langsung</b>	<b>Sedikit Yakin</b>	<b>Yakin</b>	<b>Sangat Yakin</b>
Sejauh mana anda yakin mempunyai kuasa dalam mengawal kewangan peribadi anda (Min=5.60)	n	15	107	117	13
	%	6.0	42.4	38.5	5.2
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Tidak Yakin</b>	<b>Tidak Yakin</b>	<b>Yakin</b>	<b>Sangat Yakin</b>
Sejauh mana anda yakin dapat mengawal kewangan anda (Min=6.04)	n	11	65	165	12
	%	4.4	25.7	65.2	4.8
<b>Penyataan</b>		<b>Sangat Tidak Mudah</b>	<b>Tidak Mudah</b>	<b>Mudah</b>	<b>Sangat Mudah</b>
Semudah mana anda mendapatkan wang kecemasan bernilai RM 1000 (Min=4.47)	n	49	128	63	11
	%	19.5	51.0	25.1	4.4

<b>Sambungan Jadual 5</b>					
<b>Penyataan</b>		<b>Sentiasa</b>	<b>Bimbang</b>	<b>Sesekali</b>	<b>Tidak Pernah</b>
		<b>Bimbang</b>		<b>Bimbang</b>	<b>Bimbang</b>
Sejauh mana anda bimbang tentang keadaan kewangan anda secara Keseluruhannya	n	49	93	101	9
	%	19.4	36.9	40.1	3.6



**Rajah 6 : Tahap Kesejahteraan Kewangan**

## **Pengalaman Kewangan**

Sebanyak 26 item digunakan untuk menentukan pengalaman atau situasi kewangan yang pernah dihadapi oleh responden. Pilihan jawapan yang diberikan adalah daripada tidak pernah hingga setiap bulan. Jadual 6 menerangkan taburan pengalaman kewangan responden. Sebanyak 49.4% responden menyatakan mereka setiap bulan menggunakan wang simpanan untuk memenuhi keperluan harian. Walaubagaimanapun terdapat sebilangan responden yang menyatakan mereka setiap minggu (15.7%) dan setiap hari (7.2%) menggunakan simpanan untuk keperluan harian. Ini menunjukkan bahawa kumpulan responden ini sedang berhadapan dengan masalah kewangan.

Kebanyakan responden didapati tidak pernah menerima notis tunggakan bil namun terdapat 25.0% pula menyatakan mereka menerima notis tunggakan bil setiap bulan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak pernah berhadapan dengan masalah untuk membeli barang keperluan harian. Walaubagaimanapun terdapat hampir 16.3% responden menyatakan mereka setiap bulan perlu meminjam untuk membeli barang keperluan.

Majoriti responden tidak pernah menghadapi masalah bertukar kerja. Terdapat lebih daripada satu perlima responden (20.6%) menyatakan setiap bulan mereka menangguhkan pembayaran bil dan sebanyak 12.1% responden pula didapati mempunyai hutang yang terlalu banyak. Ini menunjukkan bahawa kumpulan responden ini sedang menghadapi masalah kewangan yang serius dan memerlukan bantuan. Bagi bayaran ansuran atau pinjaman yang dibuat, kajian mendapati majoriti mampu untuk membuat bayaran.

Lebih daripada satu pertiga responden didapati tidak mengetahui bagaimana wang mereka dibelanjakan. Terdapat 10.2% responden menyatakan hampir setiap hari mereka tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan. Sebanyak 6.5% menyatakan bahawa setiap hari mereka tidak pasti berapa banyak hutang yang dimiliki Rancangan perbelanjaan atau bajet penting untuk memastikan jumlah wang yang diterima dapat digunakan sebaiknya

dalam usaha memenuhi matlamat kewangan yang telah ditetapkan. Namun begitu terdapat 24.3% responden setiap bulan dan 8.2% setiap hari menyatakan mereka tidak mempunyai rancangan perbelanjaan.

Majoriti responden menyatakan mereka tidak pernah mengambil hutang baru dalam usaha untuk menampung hutang lama. Menurut pakar kewangan, seseorang tidak boleh berbelanja lebih daripada 20% gaji mereka untuk bayaran ansuran. Walaubagaimanapun terdapat 17.6% responden setiap bulan berhadapan dengan situasi tersebut. Peratusan yang agak tinggi menyatakan bahawa setiap bulan (29.2%) dan setiap hari (9.9%) mereka tidak mampu membeli barangan yang diinginkan. Pengurusan kad kredit di kalangan responden kajian ini baik di mana majoriti menyatakan mereka tidak pernah menghadapi keadaan di mana hutang kad kredit menghampiri had yang ditetapkan.

Terdapat 13.5% responden menyatakan setiap bulan mereka berbelanja di luar kemampuan dan 18.1% pula berbelanja melebihi pendapatan yang diterima. Terdapat sebilangan kecil iaitu 7.3% didapati mengambil wang tunai daripada kad kredit. Walaupun majoriti responden menyatakan mereka tidak pernah berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan namun terdapat 4.1% responden menyatakan setiap hari mereka berselisih faham dengan pasangan.

Hasil kajian mendapati sebanyak 13.2% responden menyatakan anak-anak merajuk kerana tidak dapat apa yang diminta. Makanan merupakan keperluan asas manusia untuk terus hidup tetapi sebilangan kecil responden iaitu 10.8% menyatakan setiap bulan mereka tidak cukup duit untuk membeli makanan dan 5.6% pula setiap hari berhadapan dengan masalah tersebut. Kajian lepas menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh seseorang menyebabkan mereka hilang tumpuan terhadap kerja yang dilakukan. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 10.9% responden tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja disebabkan oleh masalah kewangan (setiap bulan).


**Jadual 6: Pengalaman kewangan**

<b>Penyataan</b>		<b>Tidak Pernah</b>	<b>Setiap hari</b>	<b>Setiap minggu</b>	<b>Setiap bulan</b>
Guna simpanan untuk keperluan harian	n	69	18	39	123
	%	27.7	7.2	15.7	49.4
Menerima notis tunggakan bil	n	174	9	3	62
	%	70.2	3.6	1.2	25.0
Pinjam untuk beli barang keperluan	n	189	11	10	41
	%	75.3	4.4	4.0	16.3
Bertukar kerja	n	230	5	2	10
	%	93.1	2.0	0.8	4.0
Tanggung pembayaran bil	n	185	5	6	51
	%	74.9	2.0	2.4	20.6
Miliki hutang yang terlalu banyak	n	204	10	4	30
	%	82.3	4.0	1.6	12.1
Tidak mampu bayar balik ansuran atau pinjaman yang dibuat	n	213	6	5	25
	%	85.5	2.4	2.0	10.0
Tidak mempunyai wang tunai untuk kecemasan	n	170	16	10	50
	%	69.1	6.5	4.1	20.3
Tidak tahu bagaimana wang dibelanjakan	n	154	25	21	45
	%	62.9	10.2	8.6	18.4
Tidak pasti berapa banyak hutang	n	188	16	12	31
	%	76.1	6.5	4.9	12.6
Bayar nilai minima pinjaman/ kad kredit	n	205	8	6	24
	%	84.4	3.3	2.5	9.9
Tidak mempunyai rancangan perbelanjaan	n	144	20	20	59
	%	59.3	8.2	8.2	24.3
Ambil hutang baru untuk tampung hutang lama	n	214	9	7	17
	%	86.6	3.6	2.8	6.9
Berbelanja lebih 20% daripada gaji untuk bayaran ansuran	n	181	11	9	43
	%	74.2	4.5	3.7	17.6
Menyimpan kurang 10% daripada jumlah pendapatan bulanan anda	n	143	11	8	78
	%	59.6	4.6	3.3	32.5
Tidak mampu beli barang yang diinginkan	n	123	24	25	71
	%	50.6	9.9	10.3	29.2
Hutang kad kredit menghampiri had yang ditetapkan	n	214	4	7	10
	%	91.1	1.7	3.0	4.3
Berbelanja luar kemampuan	n	179	15	18	33
	%	73.1	6.1	7.3	13.5
Belanja melebihi pendapatan	n	170	8	21	44
	%	70.0	3.3	8.6	18.1
Berhutang sebelum dapat gaji	n	193	10	12	29
	%	79.1	4.1	4.9	11.9

## sambungan Jadual 6

Penyataan		Tidak Pernah	Setiap hari	Setiap minggu	Setiap Bulan
Mengambil wang tunai daripada kad kredit	n	209	6	12	18
	%	85.3	2.4	4.9	7.3
Berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan	n	211	10	6	18
	%	86.1	4.1	2.4	7.3
Anak-anak merajuk kerana tidak dapat apa yang diminta	n	209	10	9	13
	%	86.7	4.1	3.7	5.4
Tidak cukup duit untuk membeli makanan	n	196	14	12	27
	%	78.7	5.6	4.8	10.8
Tidak dapat tumpu perhatian kepada kerja kerana masalah kewangan	n	192	16	13	27
	%	77.4	6.5	5.2	10.9
Barang atau kereta ditarik balik kerana tidak mampu bayar	n	228	9	4	7
	%	91.9	3.6	1.6	2.8

Seterusnya analisis terperinci dilakukan untuk menentukan tahap pengalaman atau masalah kewangan di kalangan responden. Terdapat 26 item dalam bahagian ini dan markah tinggi diberikan kepada kekerapan yang biasanya dilakukan atau dihadapi oleh responden contohnya 1= tidak pernah, 2 = setiap bulan, 3= setiap minggu dan 4= setiap hari. Kemudian skor komposit dikira. Tahap pengalaman atau masalah kewangan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah (6 hingga 33), sederhana (34 hingga 61) dan sejahtera (62 hingga 89). Secara keseluruhan kebanyakan responden (62.6%) tidak berhadapan dengan masalah kewangan tetapi terdapat 5.5% responden yang menghadapi masalah kewangan yang serius (Rajah 7).



**Rajah 7 : Tahap Pengalaman Kewangan**



## **Pembuatan Keputusan Perbelanjaan Isirumah**

Bahagian ini akan membincangkan mengenai pola pembuatan keputusan perbelanjaan isirumah. Sebanyak 17 item telah dikenalpasti dan responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan bagi setiap item. Dalam soal pembelian makanan, dua pertiga responden menyatakan mereka sendiri yang membuat keputusan manakala terdapat 35.1% responden yang menyatakan ibu bapa yang membuat keputusan pembelian makanan dalam keluarga (Jadual 7).

Kajian lepas menunjukkan bahawa keputusan pembelian bagi barangan seperti kenderaan, rumah, perabot dan sebagainya lebih dilakukan oleh suami. Ini ada kaitan dengan tanggungjawab suami sebagai ketua keluarga dan pencari nafkah dalam sesebuah institusi keluarga. Hampir satu perdua responden menyatakan ibu bapa biasanya membuat keputusan untuk membeli barangan dapur dan sebanyak 48.5% responden menyatakan mereka yang membuat keputusan untuk pembelian barang dapur. Dapatan kajian juga mendapati peratusan ibu bapa (51.1%) lebih tinggi berbanding diri responden (31.3%) dan pasangan (29.0%) mereka dalam pembuatan keputusan untuk membeli perabot atau alatan rumah.

Sebanyak 45.4% responden menyatakan ibu bapa mereka banyak membuat keputusan untuk pembelian kereta berbanding peratusan responden yang menyatakan diri mereka sendiri (31.3%) dan pasangan (21.4%). Untuk pembelian aset atau harta seperti rumah dan tanah misalnya, peratusan tertinggi mendapati ibubapa (50.4%) lebih banyak membuat keputusan jika dibandingkan dengan diri sendiri (27.1%) dan pasangan mereka (22.1%). Ibu bapa didapati lebih lebih banyak (43.9%) membuat keputusan berkaitan pembelian insurans jika dibandingkan dengan diri responden (39.7%) dan pasangan (19.5%).

Kebanyakan responden membuat sendiri keputusan mengenai penyimpanan rekod perbelanjaan berbanding ibu bapa (33.6.0%). Walaubagaimanapun terdapat 19.9%

responden yang menyatakan pasangan mereka biasanya membuat keputusan untuk menyimpan rekod kewangan. Peratusan tertinggi responden (71.0%) menyatakan mereka sendiri yang menentukan keputusan untuk menyimpan wang manakala terdapat satu pertiga (29.0%) responden menyatakan ibu bapa biasanya membuat keputusan untuk menyimpan wang. Berkaitan pelaburan saham, sebanyak 39.7% responden menentukan sendiri keputusan untuk melabur dan terdapat 35.9% pula responden menyatakan ibu bapa biasanya menentukan keputusan pelaburan.

Kajian turut mendapati sebanyak 43.9% responden menyatakan mereka lebih bertanggungjawab untuk menentukan keputusan dalam membuat pinjaman. Lebih daripada satu perdua responden menyatakan mereka yang membuat keputusan mengenai simpanan pada hari tua. Ibu bapa juga didapati banyak membuat keputusan mengenai pembayaran bil (45.8%). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bagi aktiviti seperti belanja pengangkutan, pendidikan anak dan percutian keluarga kebanyakan keputusan dilakukan oleh ibu bapa. Manakala aktiviti yang lebih personal seperti belanja hiburan dan pemberian wang kepada ibu bapa didapati lebih daripada satu perdua responden menyatakan mereka biasanya yang membuat keputusan berkaitan perkara di atas.

**Jadual 7 : Pembuatan Keputusan Perbelanjaan Isirumah**

ITEM		Diri sendiri	Pasangan	Ibu bapa	Adik beradik	Orang lain
Membeli makanan	n	167	59	92	24	7
	%	63.7	22.5	35.1	9.2	2.7
Membeli barang dapur	n	105	59	127	15	10
	%	40.1	22.5	48.5	5.7	3.8
Membeli perabot dan alatan rumah	n	82	76	135	19	7
	%	31.3	29.0	51.1	7.3	2.7
Membeli kereta	n	82	56	119	11	3
	%	31.3	21.4	45.4	4.2	1.1
Membeli harta (rumah, tanah)	n	71	58	132	14	4
	%	27.1	22.1	50.4	5.3	1.5
Membeli insurans	n	104	51	115	14	2
	%	39.7	19.5	43.9	5.3	0.8
Menyimpan rekod perbelanjaan	n	152	54	88	9	4
	%	58.0	20.6	33.6	3.4	1.5
Menyimpan wang	n	186	52	76	29	2
	%	71.0	19.9	29.0	9.9	0.8

Membuat pelaburan saham	n	104	29	94	13	9
	%	39.7	11.1	35.9	5.0	3.4
Membuat pinjaman	n	115	35	88	12	4
	%	43.9	13.4	33.6	4.6	1.5
Simpanan hari tua	n	140	51	88	15	4
	%	53.4	19.5	33.6	5.7	1.5
Membayar bil-bil	n	104	43	120	24	6
	%	39.7	16.4	45.8	9.2	2.3
Belanja pengangkutan	n	130	52	105	18	3
	%	49.6	19.8	40.1	6.9	1.1
Belanja pendidikan anak	n	81	57	120	10	4
	%	30.9	21.8	45.8	3.8	1.5
Belanja percutian keluarga	n	76	68	121	16	5
	%	29.0	26.0	46.2	6.1	1.9
Belanja hiburan	n	163	45	64	16	6
	%	62.2	17.2	24.4	6.1	2.3
Beri wang pada ibu bapa	n	157	42	40	47	5
		59.9	16.0	15.3	17.9	1.9

### **Kemahiran Diri**

Jadual 8 menerangkan penilaian responden terhadap kemahiran diri mereka. Bahagian berikut akan membincangkan penilaian responden terhadap kemahiran mereka dalam 13 aspek yang telah dikenalpasti. Selain itu responden turut ditanya apakah aspek kemahiran yang ingin dipelajari mereka bagi meningkatkan kesejahteraan diri dan keluarga. Purata nilai min kemahiran diri responden adalah 3.01. Hasil daripada analisis yang dilakukan didapati nilai min terendah adalah item "mengurus hal kad kredit" dan nilai min tertinggi adalah ke atas item "penyelesaian masalah" iaitu 3.50. Hampir dua pertiga responden (46.4%) menyatakan tahap kemahiran mereka berkaitan kad kredit pada skala satu. Ini jelas menunjukkan bahawa responden tidak mahir dalam soal pengurusan kad kredit sebanyak 33.2% responden kajian menyatakan bahawa mereka berminat dan ingin mempelajari mengenai pengurusan kad kredit.

Min kedua terendah adalah berkaitan kemahiran pengurusan pelaburan (2.58). Sebanyak 24.1% responden menyatakan kemahiran mengurus pelaburan mereka pada skala satu dan sebanyak 23.1% dan 30.2% responden masing-masing menyatakan kemahiran mereka

pada skala dua dan tiga. Terdapat 36.3% responden ingin mempelajari kemahiran berkaitan pengurusan pelaburan. Responden juga didapati tidak mahir dalam soal berkaitan pengurusan risiko di mana min yang dicatatkan ialah 2.86 dan sebanyak 18.5% menyatakan mereka tidak mahir untuk mengurus risiko. Manakala sebanyak 34.0% berminat untuk mempelajarinya.

Kemahiran responden mengenai pengurusan harta mencatatkan nilai min 2.93 dan 16.9% menyatakan mereka tidak mahir untuk mengurus harta yang dimiliki. Ini dibuktikan apabila terdapat lebih daripada satu pertiga responden ingin mempelajari kemahiran pengurusan harta. Persediaan awal dapat menjamin keselamatan kewangan untuk hari tua. Walaubagaimanapun kajian mendapati terdapat 14.8% responden menyatakan mereka tidak mahir untuk membuat persediaan menghadapi hari tua. Kemahiran mengurus tekanan amat penting untuk memastikan responden dapat menangani masalah yang dihadapi secara lebih rasional dan tenang dan terdapat 32.1% responden menyatakan mereka ingin mempelajarinya.

Kajian juga mendapati terdapat 6.5% responden menyatakan mereka tidak mahir dalam mengurus perbelanjaan harian (min=3.35). Sebanyak 29.0% responden didapati berminat untuk mengetahui dan mempelajari soal dan cara bagaimana perbelanjaan harian diuruskan. Perkembangan teknologi maklumat yang begitu pantas menyebabkan ramai responden yang ingin mempelajarinya (35.1%) dan nilai min yang dicatatkan ialah 3.21. Didapati 5.5% responden menyatakan mereka tidak mahir dalam soal pengurusan masa walaupun ia merupakan perkara asas kepada semua individu. Manakala tiga nilai min yang tertinggi merujuk kepada kemahiran responden dalam aspek perancangan kerjaya (3.47), pembuatan keputusan (3.48) dan penyelesaian masalah (3.50).

**Jadual 8 : Kemahiran Diri**

<b>Kemahiran</b>	<b>Tahap Kemahiran</b>					<b>Min</b>	<b>Nak Belajar</b>
	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>		
Mengurus perbelanjaan harian	15 (6.5)	19 (8.2)	93 (40.1)	80 (34.5)	25 (10.8)	3.35	76 (29.0)
Mengurus hal kad kredit	90 (46.4)	30 (15.5)	37 (19.1)	25 (12.9)	12 (6.2)	2.17	87 (33.2)
Pengurusan masa	13 (5.5)	20 (8.4)	90 (38.0)	91 (38.4)	23 (9.7)	3.38	64 (24.4)
Pengurusan tekanan/ “stress”	16 (7.4)	29 (13.4)	80 (36.9)	70 (32.3)	22 (10.1)	3.24	84 (32.1)
Pengurusan harta	36 (16.9)	32 (15.0)	75 (35.2)	50 (23.5)	20 (9.4)	2.93	81 (30.9)
Pengurusan risiko (insurans/takaful)	38 (18.5)	31 (15.1)	78 (38.0)	38 (18.5)	20 (9.8)	2.86	89 (34.0)
Pengurusan pelaburan	48 (24.1)	46 (23.1)	60 (30.2)	31 (15.6)	14 (7.0)	2.58	95 (36.3)
Persediaan hari tua	31 (14.8)	31 (14.8)	72 (34.3)	61 (29.0)	15 (7.1)	2.99	77 (29.4)
Komunikasi dan interaksi	14 (6.1)	16 (7.0)	83 (36.1)	84 (36.5)	33 (14.3)	3.46	67 (25.6)
Teknologi Maklumat (IT)	19 (8.5)	32 (14.3)	79 (35.3)	71 (31.7)	23 (10.3)	3.21	92 (35.1)
Pembuatan keputusan	11 (4.7)	24 (10.3)	77 (33.2)	83 (35.8)	37 (15.9)	3.48	64 (24.4)
Penyelesaian masalah	11 (4.8)	19 (8.4)	71 (31.3)	97 (42.7)	29 (12.8)	3.50	70 (26.7)
Perancangan kerjaya	11 (5.0)	23 (10.4)	75 (33.9)	76 (34.4)	36 (16.3)	3.47	93 (35.5)

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa kebanyakan daripada responden kajian ini mempunyai tahap pengetahuan dan literasi yang sederhana namun dalam beberapa aspek kewangan terutamanya berkaitan kad kredit, pengurusan risiko, simpanan dan pelaburan adalah rendah. Tahap amalan atau tingkahlaku kewangan responden berada pada tahap yang rendah dan perlu dipertingkatkan. Ini diperkukuh dengan dapatan kajian yang menunjukkan amalan menyimpan dan melabur masih lagi rendah di samping masih ramai lagi responden yang tidak memiliki sebarang perlindungan insurans atau takaful. Lebih daripada satu perdua iaitu sebanyak 56.2% di kalangan belia yang menggunakan kad kredit tidak membayar baki kad kredit dengan jumlah yang penuh. Jika amalan ini tidak ditangani ia akan membawa kepada peningkatan statistik pengguna yang telah diistiharkan muflis. Kebanyakan responden juga didapati tidak pernah meneliti penyata pinjaman, membuat perbandingan untuk permohonan pinjaman, berbincang dengan pasangan dan tidak pernah melibatkan anak dalam perbincangan mengenai kewangan.

Kajian juga mendapati bahawa tahap kepuasan kewangan belia adalah sederhana kerana kebanyakan daripada golongan belia ini menyatakan pendapatan yang diterima tidak mencukupi atau hanya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan asas sahaja. Lebih daripada satu perdua belia yang terlibat dalam kajian ini menyatakan bahawa kadang kala wang mereka tidak mencukupi dan mereka risau tentang keadaan kewangan mereka. Ini dibuktikan apabila terdapat 72.3% responden yang menggunakan wang simpanan untuk memenuhi keperluan harian dan sebanyak 24.7% pula terpaksa meminjam untuk membeli barang keperluan. Secara keseluruhan, tahap kesejahteraan kewangan responden adalah sederhana. Manakala daripada segi amalan atau tingkahlaku kewangan mereka masih lagi rendah.

Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara literasi kewangan, amalan kewangan, kesejahteraan kewangan dan masalah kewangan di kalangan responden. Sehubungan itu, ujian Korelasi Pearson dilakukan untuk menentukan perkaitan di antara angkubah di atas. Analisis yang dilakukan mendapati terdapat perkaitan yang signifikan di antara literasi kewangan dengan amalan kewangan ( $p=.033$ ,  $r=.133$ ). Ini menjelaskan bahawa apabila responden mempunyai pengetahuan yang baik dalam aspek kewangan ia secara tidak langsung mempengaruhi amalan atau tingkahlaku kewangan mereka. Tingkahlaku kewangan juga mempunyai kaitan dengan kesejahteraan kewangan ( $p=.000$ ,  $r=.322$ ). Ini menunjukkan bahawa tingkahlaku kewangan yang baik dan positif akan mempengaruhi kesejahteraan kewangan seseorang. Semakin banyak masalah kewangan yang dihadapi responden semakin rendah kesejahteraan kewangan mereka ( $p=.000$ ,  $r=-.322$ ). Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah keteguhan kewangan belia dalam kajian ini masih lagi berada pada tahap sederhana dan perlu dipertingkatkan.

**Correlations**

		skorliterasi	skoramalan	skor kesejahteraan kewangan	skor masalah kewangan
skorliterasi	Pearson Correlation	1	.133*	.025	-.022
	Sig. (2-tailed)		.033	.692	.723
	N	260	257	256	253
skoramalan	Pearson Correlation	.133*	1	.322**	.061
	Sig. (2-tailed)	.033		.000	.331
	N	257	258	256	253
skor kesejahteraan kewangan	Pearson Correlation	.025	.322**	1	-.322**
	Sig. (2-tailed)	.692	.000		.000
	N	256	256	257	252
skor masalah kewangan	Pearson Correlation	-.022	.061	-.322**	1
	Sig. (2-tailed)	.723	.331	.000	
	N	253	253	252	254

\*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan dapatan kajian di atas satu pendekatan yang menyeluruh perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap pengetahuan, amalan kewangan dan kesejahteraan kewangan di samping mengurangkan masalah kewangan di kalangan belia. Program pendidikan seperti bengkel, seminar, ceramah berkaitan dengan kewangan ataupun pengurusan

kewangan personal perlu dianjurkan khusus bagi golongan belia ini agar mereka dapat memantapkan diri dengan cara menguruskan kewangan yang efektif. Walaubagaimana pun, program seperti ini perlu juga diadakan di peringkat awal lagi iaitu di peringkat sekolah supaya generasi muda ini bijak menangani masalah kewangan yang bakal dihadapi. Pendekatan sebegini memerlukan komitmen dan perhatian yang serius daripada semua pihak agar golongan belia yang dikatakan bakal memimpin negara ini boleh mempersiapkan diri dengan selengkapnya untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka sebelum dipertanggungjawabkan untuk memimpin negara kelak.

Modul-modul berkaitan pendidikan kewangan (*self learning*) yang mudah dan ringkas juga perlu dibentuk dan digubal bagi membantu golongan belia untuk mempelajari teknik atau kaedah pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah. Selain itu juga maklumat berkaitan **tingkahlaku kewangan** ini juga dicadangkan agar dapat dimasukkan sebagai salah satu **domain IBM (Indeks Belia Malaysia)** untuk memantau kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Oleh yang demikian, satu kajian yang menyeluruh iaitu di peringkat kebangsaan (*national study*) perlu dilaksanakan sekiranya pihak berkenaan benar-benar serius mahu membantu golongan belia bebas dari fenomena "Muflis" yang kini melanda negara.

Selain itu juga, bagi memperbaiki kajian ini pada masa akan datang dicadangkan agar saiz sampel kajian yang lebih besar perlu dilakukan dengan mengambilkira jumlah persatuan belia yang berdaftar, etnik dan pelbagai peringkat kumpulan umur belia. Kerjasama daripada pihak yang terlibat seperti persatuan-persatuan belia dan majlis belia dan sukan di peringkat daerah dan negeri adalah amat diharapkan dalam memastikan kejayaan penyelidikan ini.



## RUJUKAN

Bernstein, W. (2004). Are We Happy Yet?. *Financial Planning*, 34(5), 144.

Garman, E. Thomas, Jinhee Kim, Constance Y. Kratzer, Bruce H. Brunson, and So-hyun Joo. 1999. Workplace Financial Education Improves Personal Financial Wellness. *Financial Counseling and Planning*, 10 (1): 79–88.

Hira, Tahira K. and Cäzilia Loibl (2005). Understanding the Impact of Employer-Provided Financial Education on Employee Commitment. *Journal of Consumer Affairs* (Summer Issues).

Indeks Belia Malaysia (2006). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, (2003). Data Nikah, Cerai dan Rujuk bagi Tahun 1995 hingga 2000. Dimuatkan pada Ogos 11, 2003, dari Laman web <http://www.jawi.gov.my>

Jabatan Perdana Menteri, (2006). Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan. Unit Perancang Ekonomi, Kuala Lumpur.

Joo, So-hyun. 1998. Personal Financial Wellness and Worker Job Productivity. Dissertation, Virginia 11 Polytechnic Institute and State University.

Kim, Jinhee, Dorothy C. Bagwell, and E. Thomas Garman. 1998. Evaluation of Workplace Personal Financial Education. *Personal Finances and Worker Productivity*, 2 (1): 187–192.

Laporan Bank Negara Malaysia (2005). Bank Negara Malaysia.

Mohd. Amim, O., Mohamad Fazli, S., Jariah, M. & Laily, P. (2006). *Wang Kenapa Perlu Diurus?* Gems Publishing Sdn. Bhd.

Mohamad Fazli, S., Jariah, M., Mohd. Amim, O., & Laily, P. (2006). *Perancangan Kewangan Mahasiswa*. Gems Publishing Sdn. Bhd